



**TEKS UCAPAN
Y. BHG. DATUK REKTOR**

**SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN
SEKRETARIAT RAKAN MUDA**

DI BILIK SEKRETARIAT RAKAN MUDA

**KUTKM
30 MAC 2003**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WBKTH. DAN SALAM
SEJAHTERA

Y.B. DATO' HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN
MENTERI BELIA DAN SUKAN

Y. BHG. PROF ISMAIL HASSAN
TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

Y. BHG. PROF. DR AZHARI SALEH
TIMBALAN REKTOR PEMBANGUNAN DAN
PERANCANGAN KORPORAT

Y. BHG. PROF. MADYA DR. SUA'DI DATO' SAFEI
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN DAN DEKAN-DEKAN
BARISAN KEPIMPINAN PELAJAR KUTKM DAN
EXCO SEKRETARIAT RAKAN MUDA MAHASISWA
KUTKM

SERTA PARA HADIRIN SEKALIAN,

ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KITA KE HADRAT
ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH DAN
KURNIANYA DAPAT KITA BERKUMPUL
BERSAMA-SAMA PADA PETANG INI UNTUK SATU
MAJLIS YANG CUKUP PENTING DAN BERMAKNA
INI.

TERLEBIH DAHULU, SAYA MEWAKILI SELURUH
WARGA KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL
KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)
MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH DAN
PENGHARGAAN YANG TERHINGGA KEPADA Y.B.
DATO' HISHAMUDDIN TUN HUSSEIN,
MENTERI BELIA DAN SUKAN, DI ATAS
KESUDIAN Y.B. DATO' MELAPANGKAN MASA
BAGI MENJAYAKAN PELANCARAN SEKRETARIAT
RAKAN MUDA MAHASISWA KUTKM PADA HARI
INI.

Y.B. DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN
SERTA PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI,

BUAT MAKLUMAN Y.B. DATO' DAN PARA
TETAMU YANG MUNGKIN BELUM PERNAH

MENDENGAR TENTANG KUTKM, ADA BAIKNYA SAYA CERITAKAN SERBA RINGKAS MENGENAI KUTKM.

KUTKM ADALAH MERUPAKAN IPTA YANG KE 14 DAN BARU MELANGKAH KE TAHUN KETIGA PENUBUHANNYA PADA TAHUN INI. SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL, BIDANG-BIDANG PENGKHUSUSAN YANG DITAWARKAN ADALAH TERTUMPU KEPADA BIDANG KEJURUTERAAN DAN ICT.

SEHINGGA KINI, KITA SUDAH PUN MEMPUNYAI SERAMAI 1500 PELAJAR DAN INSYAALLAH PADA JUN INI, KITA AKAN MENERIMA SEJUMLAH 1500 LAGI PELAJAR.

DISEBABKAN KUTKM MASIH LAGI DI PERINGKAT AWAL PENUBUHANNYA, MAKA PELANCARAN HARI INI, TERPAKSA DIBUAT DI KAMPUS SEMENTARA KUTKM DI TAMAN TASIK UTAMA AYER KEROH YANG MUNGKIN AGAK KEKURANGAN SEDIKIT DARI SEGI KEMUDAHAN DAN KESELESAAN.

INSYAALLAH, DI MASA-MASA AKAN DATANG, PELANCARAN SEUMPAMA INI AKAN KITA LAKUKAN DI KAMPUS TETAP KUTKM DI MUKIM DURIAN TUNGGAL YANG LEBIH BESAR DAN SELESA.

Y.B. DATO' DAN PARA HADIRIN SEKALIAN,

SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI YANG DIRANCANG DAN DIBANGUNKAN OLEH KERAJAAN BARISAN NASIONAL, KUTKM AKAN SENTIASA BERSAMA-SAMA MENDOKONG HASRAT DAN WAWASAN KERAJAAN.

APATAH LAGI JIKA PROGRAM YANG DIRANCANG ITU MEMPUNYAI KAITAN YANG SANGAT RAPAT DENGAN KUTKM.

DALAM HAL INI, BELIA DAN PELAJAR ADALAH SINONIM DI MANA GOLONGAN PELAJAR ATAUPUN MAHASISWA ADALAH DIKATEGORIKAN SEBAGAI BELIA DAN MEREKA INI MAMPU MENJADI GOLONGAN YANG UNTUK

MENJADI GOLONGAN YANG BERPENGARUH ATAUPUN GOLONGAN YANG DIPENGARUHI.

MENYEDARI HAKIKAT INI, KUTKM, SEBAGAI INSTITUSI YANG DIAMANAHKAN UNTUK MEMBENTUK DAN MEMBINA SAHSIAH PELAJAR, BERILTIZAM UNTUK MENCORAKKAN GOLONGAN INI MENJADI MANUSIA YANG BAIK DAN SEIMBANG SERTA MEMENUHI ACUAN YANG DIINGINKAN OLEH KERAJAAN.

JUSTERU, AKTIVITI RAKAN MUDA YANG DIPELOPORI OLEH KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MELALUI SEKRETARIAT RAKAN MUDANYA, MENJADI SATU ALTERNATIF YANG PALING BAIK DALAM MEMBAWA PELAJAR-

PELAJAR KUTKM KE ARAH YANG DIINGINKAN INI.

MELALUI SEMBILAN GAYA HIDUP YANG DIBAWA DI BAWAH RAKAN MUDA SEKTOR IPT, SAYA PERCAYA BAHAWA PROGRAM INI MAMPU MEMENUHI OBJEKTIFNYA DALAM MENJADIKAN WARGA PELAJAR KUTKM SEBAGAI GENERASI PEWARIS NEGARA YANG SEMPURNA DAN BERTANGGUNGJAWAB.

Y.B. DATO' DAN PARA HADIRIN SEKALIAN,

WALAUPUN SEKRETARIAT RAKAN MUDA MAHASISWA KUTKM BARU SAHAJA DILANCARKAN PADA HARI INI, IANYA TELAH

MEMBUKTIKAN BAHAWA IA MAMPU BERGERAK SECARA AKTIF DAN PROGRESIF.

BUKTINYA, BERSAMA KITA PADA HARI INI, 27 AHLI SRM MAHASISWA KUTKM, DI MANA LAPAN DARIPADA MEREKA WANITA, YANG TELAH BERJAYA MENAWAN LIMA GUNUNG DI BANJARAN TITIWANGSA MELALUI EKSPEDISI "TRANS TITIWANGSA CHALLENGE" YANG BARU BERAKHIR SEMALAM SETELAH SEMINGGU MENEMPUH DUGAAN DAN RINTANGAN.

DIHARAPKAN KEJAYAAN SEUMPAMA INI MAMPU MENJADI PENCETUS KEPADA KEJAYAAN-KEJAYAAN YANG LAIN SELARAS DENGAN SEMANGAT "YAKIN BOLEH" YANG DIBAWA OLEH PROGRAM RAKAN MUDA.

DI PIHAK KUTKM, INSYAALLAH KITA AKAN SENTIASA MEMBERIKAN SOKONGAN YANG PADU TERHADAP AKTIVITI SEUMPAMA INI.

AKHIR KATA, SEMOGA KERJASAMA BAIK YANG TELAH TERJALIN DI ANTARA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN DAN KUTKM INI AKAN DIPERERATKAN LAGI MELALUI AKTIVITI-AKTIVITI SEUMPAMA INI DI MASA-MASA AKAN DATANG.

SEKIAN, WABILLAHIT TAUFIK WAL HIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WBKTH DAN TERIMA KASIH.